

20 MAC 2018

Dua warga kita dibawa pulang

SINAR HARIAN • SELASA 20 MAC 2018 19

**SENTRAL**

HUBUNGI SUKAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN- 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

## Dua warga kita dibawa pulang

**Mangsa sindiket antarabangsa kembali pangkuan keluarga**

**HIDAYAH HAIROM**

**KUALA LUMPUR**

**D**ua wanita mangsa sindiket dadah antarabangsa dijangka tiba di Malaysia pada 26 Mac ini hasil usaha dilaksanakan Biro Kebajikan Umno (Bikum) sejak setahun lalu.

Pengerusi Bikum, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata, Noor Azimah Sapie, 37, dan Noor Suzana Azmi, 35, akan dibawa pulang bersama anak-anak mereka.

Menurutnya, segala urusan berkaitan dokumentasi, dan perundangan termasuk bayaran denda kedua-dua kes wanita itu telah berjaya diselesaikan dengan kerjasama Bahagian Kaunselor Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) dan Kedutaan Malaysia di

**info** • Dijadualkan tiba pada 26 Mac ini jam 2.50 petang di KLIA

tinggal lebih waktu di Peru.

"Azimah menjadi mangsa penganiayaan keluarga sendiri namun tidak ditahan. Dia menjadi gelandangan dan tinggal di Peru tanpa dokumen sah sejak 2008. Suzana pula menjadi mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa dan dipenjarakan selama lima tahun. Setelah bebas dia tinggal di Peru lebih tujuh tahun dan berkahwin dan mempunyai dua anak," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya mengatur kempen kesedaran melibatkan perkongsian secara langsung oleh dua wanita terbabit sebaik berada di tanah air kelak.

"Program sebegini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat, khususnya kumpulan sasar di pelbagai peringkat apatah lagi sindiket sedemikian kian berleluasa," katanya kepada *Sinar Harian*.

**Shamsul Anuar (tengah) pada sidang media, semalam.**

Peru.

"Empat wakil Bikum diketuai Setiausaha Operasi, Mohd Shobli Jamil Kamaruzaman Ahmad, akan ke Peru esok (20 Mac) untuk urusan membawa pulang Noor Azimah serta seorang anak, dan Noor Suzana serta dua anak kesemuanya berjumlah enam orang.

"Mereka dijadualkan tiba pada 26 Mac ini jam 2.50 petang di KLIA," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata, Bikum membelanjakan kos keseluruhan berjumlah lebih RM200,000 untuk urusan membawa pulang kesemua mereka.

Menurutnya, ia termasuk kos lebih RM28,000 untuk membayar denda Azimah dan Suzana kerana